

Kesedaran berzakat semakin ketara

Sinar 16/8/2011 MS 7

Penerima hendaklah sedar bantuan bukan untuk selamanya

Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) adalah agensi ditubuhkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Mula beroperasi pada 1 Januari 1991 bertujuan mengutip semua jenis zakat, fitrah dan harta iaitu merangkumi zakat pendapatan, zakat wang simpanan, zakat perniagaan, zakat emas, zakat perak, zakat saham, zakat Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP).

Walaupun kesedaran teritang pembayaran zakat dalam kalangan masyarakat Islam meningkat, ketidaksedaran golongan profesional mengenai pembayaran zakat masih wujud.

Justeru, PPZ sebagai badan bertanggungjawab merencana pelbagai strategi dalam mempertingkatkan kesedaran umat Islam kewajipan menunaikan zakat, bukan sahaja zakat fitrah di bulan Ramadan, tetapi keperluan menunaikan zakat harta.

Bersama wartawan Sinar Harian NOOR AZURA SAHRIL dan INTAN ATHIRAH REBUWANG mendapatkan penjelasan Pengerusi PPZ, Datuk Mustafa Abdul Rahman berhubung mekanisme diguna pakai dalam mempertingkatkan jumlah kutipan zakat sekali gus membantu golongan sasaran.

berperanan sebagai pihak (Amil) yang mencari sumber mengutip, memungut dan menguruskan kemasukan wang zakat ke akaun MAIWP. Justeru, jelas dalam pengoperasian zakat di Wilayah Persekutuan PPZ berperanan sebagai saluran pengutipan dan pembayaran zakat dan bukan tugas agihan. Agihan dipertanggungjawabkan kepada Baitulmal - MAIWP.

Bagaimana pula kutipan zakat di negeri lain. Siapakah pihak yang bertanggungjawab?

MUSTAFA: Kebanyakan negeri, pengurusan zakat diletakkan di bawah pengurusan Majlis Agama Islam negeri berkenaan dan terdapat sesetengah negeri diwujudkan institusi khas yang agak tersendiri untuk menguruskan pembayaran

Bagaimanapun, kesedaran itu bukan datang begitu sahaja, melainkan melalui usaha digiatkan PPZ dengan melengkapkan kaunter, memperbanyakkan saluran pembayaran termasuk hebahan melalui media massa. Selain itu, kami menyediakan kemudahan portal zakat untuk memudahkan umat Islam ruangan taksir zakat secara dalam talian, soal jawab, membuat bayaran zakat melalui kad kredit dan pelbagai kemudahan lain.

Penentuan kadar bayaran zakat fitrah berlainan bagi setiap negeri. Bagaimana ia ditentukan?

MUSTAFA: Kadar bayaran zakat fitrah ditentukan Majlis Fatwa setiap negeri iaitu berasaskan makanan asasi, beras.

mensucikan diri dan harta.

Amil adalah individu yang dipertanggungjawabkan mengutip zakat. Justeru, apakah ada kriteria tertentu dalam lantikan seseorang amil?

MUSTAFA: Pelantikan Amil (wakil mengutip zakat) pada bulan Ramadan melalui proses melantik dan tauliah kepada yang layak oleh pihak berkuasa agama di setiap negeri. Amil berkenaan bukan sahaja berkewajipan melaksanakan tugas memungut zakat sebaik-baiknya tetapi berperanan menjelaskan peranan dan kepentingan zakat serta menggalakkan umat Islam di kawasan masing-masing menunaikan rukun Islam keempat itu.

Apakah peranan dan fungsi PPZ?

MUSTAFA: PPZ adalah institusi dilantik dan diamanahkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk memungut kutipan zakat di Wilayah Persekutuan, Putrajaya dan Labuan.



memberikan fokus pentadbiran dengan merangka strategi untuk meningkatkan jumlah kutipan mengikut sasaran ditetapkan. PPZ tidak diberikan peranan menyelaraskan zakat seluruh Malaysia kerana ia adalah tugas Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Bagaimanapun, timbul kekeliruan dalam kalangan segelintir umat Islam, PPZ sebagai badan yang mengutip turun berperanan dan bertanggungjawab mengagihkan kutipan zakat kepada lapan golongan asnaf. Sebagai asas yang perlu difahami semua pihak, PPZ hanyalah

zakat. Bermula dengan kewujudan PPZ, diikuti beberapa negeri lain seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Urus Zakat (PUZ) di Pulau Pinang, Pusat Kutipan Zakat (PKZ) di Pahang, Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) dan Pusat Zakat Melaka (PZM). Majlis Agama Islam negeri berkenaan telah mewujudkan anak syarikat atau perbadanannya sendiri untuk mengurus kutipan zakat secara korporat dan profesional melalui proses penswastaaan zakat.

Difahamkan jumlah kutipan zakat dikatakan meningkat setiap tahun, bolehkah kiranya ini disebabkan kesedaran umat Islam terhadap kewajipan menunaikan zakat?

MUSTAFA: Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, melalui strategi dan usaha pemasaran dilakukan PPZ, jumlah kutipan zakat meningkat sebanyak 14 peratus setiap tahun dan ia amat menggalakkan. Melalui indeks peningkatan itu, kesedaran umat Islam meningkat dan jumlah pembayar juga meningkat.

Masih ada umat Islam yang tidak menunaikan kewajipan berzakat dan peranannya dalam membantu golongan kurang berkemampuan sehingga memandang ringan kewajipan itu. Apakah peranan PPZ dalam menimbulkan kesedaran itu?

MUSTAFA: Undang-undang dalam Enakmen pentadbiran hukum syarak memberikan tindakan terhadap umat Islam yang tidak menunaikan zakat. Namun ia belum dikuatkuasakan kerana yang lebih pentingnya adalah kesedaran umat Islam. Seharusnya mereka menyedari zakat itu wajib dan ia terkandung dalam Rukun Islam. Dosa besar sekiranya gagal ditunaikan. Masyarakat Islam secara umumnya telah mengetahui zakat adalah rukun Islam yang keempat dan diwajibkan ke atas semua muslim yang layak untuk membayar zakat. Umat Islam perlu menyedari di dalam harta dimiliki, orang lain mempunyai hak. Justeru, kewajipan itu perlu datang dalam diri sendiri kerana berzakat itu

Segelintir penerima zakat meletakkan persepsi zakat yang diterima adalah tetap dan terlalu bergantung tanpa berusaha meningkatkan taraf hidup sendiri, apa komen Datuk?

MUSTAFA: Penerima zakat berterusan atau sementara bergantung pada keadaan. Sekiranya mereka lumpuh, tergolong dikalangan orang kelainan upaya, sakit kronik, orang miskin yang tidak dapat keluar daripada kemiskinan akan tetap sepanjang hayat mereka. Dalam Islam juga menggalakkan umatnya berdikari dan tidak terlalu bergantung pada bantuan semata-mata. Justeru, melalui Baitulmal mereka yang layak boleh memohon pelbagai skim bantuan untuk meningkatkan taraf hidup sekali gus keluar daripada kepompong kemiskinan. Melalui skim terbahagi, ada golongan asnaf yang berjaya memperoleh pendapatan berniaga kecil-kecilan, sekali gus keluar daripada senarai asnaf.